

Banjir tiada kaitan fenomena bulan penuh

Kuala Lumpur: Banjir di tiga kawasan di Sarawak tidak mempunyai kaitan dengan fenomena bulan penuh seperti yang tersebar di laman sosial.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail berkata, banjir itu

disebabkan hujan lebat berikutan kawasan berkenaan mengalami sistem tekanan rendah atau dikenali Borneo Vortex yang menggalakkan pembentukan awan hujan.

“Apa yang berlaku dua hari lalu kerana Borneo Vortex agak aktif apabila pusaran awan akan tertumpu di sekitar kawasan itu.

“Awan kumulonimbus yang besar terbentuk, sekali gus menyebabkan hujan lebat berterusan melanda di ketiga-tiga

kawasan itu,” katanya.

Menurut Che Gayah lagi, keadaan hujan lebat di kawasan itu semakin berkurangan sejak semalam dan dijangka berakhir hari ini.

Katanya, jabatannya turut mengeluarkan be-

berapa siri amaran mengenai keadaan hujan lebat sejak awal pagi kelmarin dan pemantauan berterusan akan dilakukan.

Justeru, beliau menasihati orang ramai untuk mengikuti perkembangan amaran hujan lebat yang dikeluarkan melalui media massa dari semasa ke semasa.

Keadaan banjir di Sarawak semakin meningkat dengan jumlah mangsa di 50 pusat pemindahan banjir kini meningkat kepada 7,327 orang sehingga petang semalam.

FAKTA

Tiga kawasan alami sistem tekanan rendah galak pembentukan awan hujan